

# E2 WAVES

The Official Newsletter of PKE UiTM CPP



الجامعة  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



## TOP NEWS



### TEAM BUILDING PKE 2024

Hampa Memang Sempoi...

[▶▶▶ READ MORE](#)

### SINERGI MOBILITI PENYELIDIKAN EMJ-APCO

[▶▶▶ READ MORE](#)



#### EDITORIAL BOARD:

Norsabrina Sihab, Asmalia Zanal, Faridah Abdul Razak, Wan Salha Saidon,  
Ir. Ts. Abdul Malek Saidina Omar, Ts. Anith Nuraini Abd Rashid, Dr. Rosfariza Radzali,  
Ir. Dr. Intan Rahayu Ibrahim, Ts. Dr. Saiful Zaimy Yahaya

# MAJLIS PELANCARAN BULAN INOVASI & KUALITI SERTA SAMBUTAN 25 TAHUN UiTM

Oleh : Norsabrina Sihab

Pada Rabu, 28 Ogos 2024 telah berlangsungnya Majlis Pelancaran Bulan Inovasi & Kualiti Serta sambutan 25 Tahun UiTM anjuran Pengajian Kejuruteraan Elektrik (PKE) dengan kerjasama Pejabat Jaringan Industri Alumni & Masyarakat serta ALUMNI UiTM Cawangan Pulau Pinang. Majlis ini telah berjaya dilaksanakan dibawah pengarah program yang dilantik, En. Mohd Ikmal Fitri Bin Maruzuki bersama jawatankuasanya.

Majlis Pra Pelancaran bertemakan Melayu Klasik 60-an telah mengisi pelbagai acara menarik seperti senaman sihat, gimik pelancaran Hari Inovasi, perasmian ambang kemerdekaan, larian 2.5 batu, cycling trail 25km, booth jualan dan lain-lain.



Syabas dan Tahnhiah kepada staf PKE telah bersatu hati memberi sokongan yang padu bagi menjayakan majlis ini.

Diharap semangat dan kerjasama ini dapat dikekalkan dalam memastikan momentum keberjayaan Majlis Kemuncak Bulan Inovasi Dan Kualiti UiTM Cawangan Pulau Pinang 2024 pada 6 Disember 2024 yang akan diketuai oleh Ir. Dr. Mohd Firdaus Abdullah nanti.



**MAJLIS PELANCARAN**  
**BULAN INOVASI & KUALITI**  
**SERTA SAMBUTAN 25 TAHUN**  
**UiTM**

**28 OGOS 2024** **DEWAN BESAR UTMCP**  
8.00 PAGI - 12.00 TENGAHARI

**ACARA:**  
Senam sihat  
Gimik Pelancaran Hari Inovasi  
Perasmian Ambang Kemerdekaan  
Larian 2½ batu  
**MEMORIBILIA TRAIL:**  
• Cycling Trail 25km  
• Wellness Section  
Booth Jualan  
Talk Tabung Haji  
Cabutan bertuah

**TEMA PAKAIAN:**  
MELAYU KLASIK 60-AN

**HADIAH MENARIK!**  
PEMENANG LARIAN 2½ BATU,  
VIRTUAL WALK PEWANI  
SERTA PAKAIAN TERBAIK

**Tahniah dan terima kasih** diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan acara inovasi pada 28 Ogos 2024!

Kepada semua staf dan penganjur acara, saya amat menghargai komitmen serta kerja keras anda. Setiap usaha, dari persiapan awal sehingga selesai acara, memainkan peranan penting dalam memastikan acara ini berjaya. Tanpa sokongan dan dedikasi anda, kami tidak mungkin mencapai tahap ini.

Kepada para hadirin, tahniah di atas penyertaan anda yang luar biasa! Penyertaan anda semua telah menjadikan acara ini lebih bermakna dan inspirasi. Semoga penglibatan ini menjadi langkah awal kepada lebih banyak pencapaian dalam masa akan datang.

Terima kasih sekali lagi kepada semua yang telah menyumbang dalam apa jua kapasiti. Bersama-sama, kita telah mencipta sesuatu yang hebat!

~ Ikmal Fitri ~



# E2 WAVES

The Official Newsletter of PKE UiTM CPP



Official Website & Social Media:


Pengajian Kejuruteraan Elektrik

DIPLOMA EE UiTM



UITM CAWANGAN PULAU PINANG - PENGAJIAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

ISSN 2289 - 9480



9 772289 948007

**PUBLISHED BY:**  
**UNIT PENERBITAN PKE**  
**ELECTRICAL ENGINEERING STUDIES**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS PERMATANG PAUH**  
**13500 PERMATANG PAUH**  
**PULAU PINANG**